

Kertas Bil. 36/2016



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR**

BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC))
BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016**

1. PENDAHULUAN

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor atau *Public Accounts Committee* (PAC) dalam Bahasa Inggeris ditubuhkan di bawah Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor untuk menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus Negeri Selangor. Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas pada tahun 2016 terdiri daripada:-

- | | | |
|------|---|------------------|
| i. | Y.B Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| ii. | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |
| iii. | Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| iv. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| v. | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |
| vi. | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| vii. | Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |

Berikut ialah tarikh-tarikh Jawatankuasa PAC telah bermesyuarat pada tahun 2016. Jawatankuasa PAC bermesyuarat dengan kuorum yang cukup.

Bil	Tarikh Mesyuarat
1	27 Januari 2016
2	26 Februari 2016
3	26 Mei 2016
4	02 Jun 2016
5	08 Jun 2016
6	25 Ogos 2016
7	01 September 2016
8	08 September 2016
9	15 September 2016

Sila rujuk Lampiran A untuk Senarai Kehadiran Ahli Jawatankuasa PAC bagi setiap pendengaran tertutup yang berkaitan dengan penemuan dalam penyata ini.

2. ATURAN KERJA JAWATANKUASA

Cara semakan dijalankan di dalam mesyuarat PAC ialah dengan:-

- mengenal pasti isu yang berbangkit;
- mengenal pasti pihak yang perlu memberi penjelasan;
- tatacara semasa penjelasan berlangsung;
- bagaimana penemuan ditentukan; dan
- bagaimana syor diputuskan.

3. ITEM-ITEM SEMAKAN

3.1 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

- a) Isu : Pengurusan Hartanah Wakaf
- b) Jabatan : Perbadanan Wakaf Selangor
- c) Tarikh : 8 Jun 2016
- d) Kehadiran : Y.A.D Dato' Setia Ramli bin Mahmud
Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor
Timbalan Pengerusi MAIS

3.1.1 Penemuan

- i. Sebelum penubuhan Unit Wakaf di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), pengurusan hartanah wakaf diwakafkan terus kepada penerima manfaat. Pengurusan wakaf lebih teratur selepas Majlis Agama Islam Selangor mengambil alih pemilikan tanah wakaf dan bermula 1 Januari 2015, MAIS telah menyerahkan pengurusan tanah wakaf kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).
- ii. Pada tahun 2011 hingga 31 Disember 2015, PWS telah menerima harta wakaf bernilai RM 213.8 juta yang terdiri daripada Wakaf Am bernilai RM 26.8 juta, Wakaf Khas bernilai RM 147 juta dan 261 lot wakaf hartanah bernilai RM 40 juta. PWS turut mewujudkan 180 buah tabung Wakaf Khas untuk pembinaan masjid, surau, sekolah dan maahad tahfiz.
- iii. PWS menerima peruntukan pengurusan tahunan sebanyak RM 2 juta daripada Majlis Agama Islam Selangor mulai tahun 2011.
- iv. PWS menghadapi kekangan untukewartakan hartanah wakaf tanpa dokumen rasmi daripada pewakaf. Ini boleh menyebabkan waris kepada pewakaf menuntut hartanah

yang diwakafkan. Waris / pihak berkepentingan akan menghalang PWS untuk mentadbir dan menguruskan hartanah yang diwakafkan melalui saluran perundangan.

- v. Pengurusan hartanah wakaf memerlukan Prosedur Operasi Terpiawai (*Standard Operational Procedure*) yang jelas antara MAIS dan PWS agar urusan pewartaan diuruskan sewajarnya. Berdasarkan Perkara 95, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, pewartaan wakaf masih tertakluk di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Selangor dan bukan Perbadanan Wakaf Selangor. Ini menyukarkan prosedur pengurusan hartanah wakaf yang teratur dan jelas.

SYOR PAC

- i. PAC mendapati Perbadanan Wakaf Selangor tidak diperuntukkan Vot Pengurusan Khas Tahunan dan perkara ini wajar diberi perhatian khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- ii. PAC mendapati Prosedur Operasi Terpiawai (*Standard Operational Procedure*) urus tadbir hartanah wakaf kurang jelas. Sehubungan itu, PAC bersetuju dengan Jabatan Audit Negara yang menyarankan agar Majlis Agama Islam Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor menyediakan Prosedur Operasi Terpiawai dengan segera untuk memastikan bidang tugas dan urus tadbir hartanah wakaf yang lebih teratur dan jelas.
- iii. PAC mencadangkan Perkara 95, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 disemak semula untuk memastikan Perbadanan Wakaf Selangor menjalankan urus tadbir berlandaskan hak perundangan dan tempoh masa yang sewajarnya. PAC menyarankan peranan dan bidang tugas Majlis Agama Islam Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor diperkemas dan diperjelaskan.

3.2 Majlis Daerah Kuala Langat

- a) Isu : Penyenggaraan Jalan, Longkang dan Bahu Jalan
- b) Jabatan : Majlis Daerah Kuala Langat
- c) Tarikh : 1 September 2016
- d) Kehadiran: Tuan Mohd Azhar bin Mohamed Ali
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat

Encik Zulkefli bin Mohd Arif
Pengarah
Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

3.2.1 Penemuan

- i. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) memaklumkan kes banjir kilat berulang di Pusat Bandar Kuala Langat berpunca mendapan kelodak parit tanah yang tidak diselenggarakan oleh pemilik ladang di sekitar Pusat Bandar Kuala Langat. Mendapan tersebut memasuki sistem aliran longkang di sekitar pusat bandar dan menyebabkan longkang menjadi cetek serta tidak mampu menampung isipadu air hujan untuk dialirkan ke longkang utama. Sehubungan itu, MDKL telah mengarahkan kontraktor yang dilantik memantau dan membersihkan longkang sekurang-kurangnya sekali sebulan.

SYOR PAC

- i. PAC mengesyorkan Majlis Daerah Kuala Langat menguatkuasakan **Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)** oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kepada pemilik ladang yang dikenal pasti. Manual yang telah diimplementasikan kepada setiap pemaju perumahan ini turut memastikan pemilik ladang memahami garis panduan spesifik menguruskan parit di dalam ladang masing-masing.
- ii. PAC mencadangkan Majlis Daerah Kuala Langat mengarahkan kontraktor meningkatkan kekerapan membersihkan sistem longkang dan parit terutama ketika musim hujan.

3.3 JKR Selangor

- a) Isu : Penyelenggaraan Jalan, Longkang dan Bahu Jalan
- b) Jabatan : Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri
- c) Tarikh : 2 Jun 2016 & 1 September 2016
- d) Kehadiran: Tuan Haji Mas Abdul Rahman bin Mas Mohamed
Pengarah
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri

Puan Ir. Anita Mohamed Shafie
Ketua Penolong Pengarah
JKR Bahagian Jalan

3.3.1 Penemuan

- i. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri memaklumkan terdapat percanggahan dan kekeliruan antara Jabatan/Agensi terhadap bidang tugas menyelenggarakan jalan, longkang dan parit. Keadaan tersebut menyebabkan sebahagian jalan, longkang dan parit terabai daripada segi penyelenggaraannya.
- ii. JKR Negeri telah berjaya menyelesaikan aduan pengguna dalam tempoh 45 hari berbanding 60 hari yang ditetapkan dalam Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) bawah kendalian Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mempunyai autoriti untuk meminda dan mengemas kini tempoh penyelesaian STARS.
- iii. JKR Negeri memaklumkan melalui Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) jalan-jalan yang bermasalah berjaya diturap dan diselenggarakan dengan baik. Walau bagaimanapun, kekurangan koordinasi dan pemantauan terhadap syarikat utiliti menyebabkan jalan yang telah diselenggarakan rosak semula selepas kerja-kerja penyelenggaraan utiliti dilaksanakan.

SYOR PAC

- i. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Y.B. Ahli Dewan Negeri Batu Tiga mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang berfungsi untuk menyediakan inventori longkang dan parit selenggaraan Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Inventori tersebut boleh dijadikan rujukan/asas kepada pengasingan bidang tugas antara Jabatan/Agensi berkaitan.
- ii. Selaras dengan Polisi Membangun Smart Selangor Yang Peduli, PAC mencadangkan Kerajaan Negeri membangunkan satu aplikasi khusus untuk memaklumkan kepada rakyat dengan jelas Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab menyenggara setiap longkang, parit dan jalan di Negeri Selangor.
- iii. PAC mencadangkan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri meminda dan mengemas kini Sistem STARS dengan mengurangkan tempoh masa menangani aduan pengguna daripada 60 hari kepada 45 hari.
- iv. PAC mencadangkan Jabatan Kerja Raya Negeri mengkoordinasikan jadual kerja syarikat utiliti untuk memastikan jalan diturap dan disenggarakan dengan baik setelah kerja penyelenggaraan utiliti selesai dilaksanakan.

3.4 Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)

- a) Isu : Kuota Bumiputera
- b) Jabatan : LPHS
- c) Tarikh : 1 September 2016
- d) Kehadiran : Puan Norzaton Aini binti Mohd Kassim
Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor

3.4.1 Penemuan

- i. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) memaklumkan terdapat permintaan tinggi untuk memiliki rumah yang ditawarkan oleh LPHS. Walau bagaimanapun, faktor pemohon disenaraihitamkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan faktor tahap keberhutangan yang tinggi menjadi kekangan kepada mereka untuk memiliki rumah yang ditawarkan. LPHS mengambil langkah proaktif dengan berbincang dengan pihak Bank Negara Malaysia untuk menyediakan satu mekanisme bersesuaian untuk membantu pemohon yang bermasalah memiliki rumah pertama di Negeri Selangor.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 27/2011 bertarikh 10 Ogos 2011 telah memberi mandat kepada LPHS menguruskan dan Meluluskan Permohonan Pengecualian, Pelepasan dan Pengurangan Kuota Jualan Bumiputera tanpa perlu dibawa ke MMKN. Ahli Lembaga Pengarah LPHS mengambil maklum dan bersetuju melaksanakan keputusan MMKN melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah LPHS pada 21 September 2011.
- iii. Lembaga Pengarah LPHS bersetuju melantik Pengarah Eksekutif untuk menguruskan Jawatankuasa Rayuan Keputusan Pelepasan Kuota

Bumiputera Negeri Selangor dan diberi kuasa menguruskan pelantikan ahli jawatankuasa secara dalaman. Keahlian Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:-

Pengerusi	:	Pengarah Eksekutif LPHS
Ahli	:	- Ketua Bahagian Perumahan LPHS - Ketua Bahagian Pembangunan LPHS - Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan LPHS - Pegawai Undang- undang LPHS - Akauntan
Urusetia	:	Unit Perancangan dan Dasar, Bahagian Pembangunan

Pelantikan Jawatankuasa ini telah berjaya mempercepat proses kelulusan rayuan pelepasan kuota Bumiputera yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, kaedah tidak menggambarkan praktis tata kelola pengurusan (*good governance*) dan pemisahan kuasa (*separation of power*) yang terbaik.

- iv. Jabatan Audit Negara mempersoalkan rasionalisasi semua pulangan pelaburan, penyewaan, penjualan dan lain-lain hasil yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. menjadi hasil kepada LPHS. Keuntungan tersebut seharusnya diakaunkan semula ke dalam Akaun Amanah Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana untuk kepentingan Dasar Perumahan Kuota Bumiputera.
- v. PAC walau bagaimanapun, sangat berpuas hati dengan penjelasan dan maklum balas yang diberi oleh LPHS mengenai Proses Pelepasan Kuota Bumiputera.

SYOR PAC


- i. PAC mencadangkan keahlian Jawatankuasa Rayuan Keputusan Pelepasan Kuota Bumiputera Negeri Selangor terdiri daripada wakil Jabatan/Agensi Negeri yang berkaitan selain keahlian dalaman Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memastikan proses semak imbang berjalan dengan baik.
- ii. Berlandaskan prinsip ketelusan dan tadbir urus yang baik, PAC mencadangkan Pihak Berkuasa Negeri menetapkan kadar peratusan keuntungan aktiviti pelaburan Tabung Amanah menjadi hasil kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan selebihnya diakaunkan semula dalam Tabung Amanah.
- iii. PAC mencadangkan agar LPHS turut membuat penetapan Arahan Amanah yang lebih jelas dan adil berhubung pengurusan kredit dan aliran wang Tabung Amanah ini selaras dengan praktis tata kelola pengurusan (*good governance*).

4. PENUTUP

- 4.1 Berdasarkan laporan di atas, Jawatankuasa PAC berjaya memainkan peranan dan fungsi menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus Negeri Selangor. Jawatankuasa PAC mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Audit Negara serta semua pihak yang hadir memberi penjelasan. Jawatankuasa PAC bertujuan untuk meneliti dan menyemak perjalanan urus tadbir kewangan negeri supaya menepati maksud *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

5. PERAKUAN

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2014 dan tahun 2015 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).



(Y.B. Tuan Ng Suee Lim)

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor

13 Julai 2015

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor Ketiga Belas adalah terdiri daripada:-

- | | |
|--|------|
| i) Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi
(ADN Kawasan Sekinchan) | |
| ii) Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |
| iii) Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| iv) Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| v) Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |
| vi) Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| vii) Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |

Urus Setia:

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Zawawi bin Mohd Arif
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Nur Adilla Abd Rahim
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
- vi) Cik Yap Yee Vonne
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Lampiran A: Senarai Kehadiran Mesyuarat PAC 2016

Tarikh : 2 Jun 2016 (Khamis)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat,
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex,
Dewan Negeri Selangor

Hadir:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N.
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |

Tidak Hadir (Dengan Maaf):

- | | | |
|----|--|------|
| 1. | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro, D.P.M.S., A.S.A.
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 2. | Y Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsuddin bin Haji Lias, D.P.M.S., J.S.M., S.S.A.
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

Lampiran A: Senarai Kehadiran Mesyuarat PAC 2016

Tarikh : 8 Jun 2016 (Rabu)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat,
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex,
Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Hadir:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N.
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |

Tidak Hadir (Dengan Maaf):

- | | | |
|----|--|------|
| 1. | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsuddin bin Haji Lias, D.P.M.S., J.S.M., S.S.A.
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |
| 2. | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro, D.P.M.S., A.S.A.
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |

Lampiran A: Senarai Kehadiran Mesyuarat PAC 2016

Tarikh : 1 September 2016 (Khamis)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat,
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex,
Dewan Negeri Selangor

Hadir:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N.
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |

Tidak Hadir (Dengan Maaf):

- | | | |
|----|--|------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 2. | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro, D.P.M.S., A.S.A.
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 3. | Y Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsuddin bin Haji Lias, D.P.M.S., J.S.M., S.S.A.
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |